

Headline	OPERASI TH DI SEPANG 2018		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	06 Feb 2017	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	179,231
Page No	43	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	312 cm ²
Journalist	Syarifah Dayana Syed Bakri	AdValue	RM 12,244
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,732



Syarifah Dayana Syed Bakri
dayana@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Lembaga Tabung Haji (TH) akan memulakan operasi pengurusan dan pelepasan jemaah haji di kompleks TH terbaru di Sepang menjelang 2018.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Seri Johan Abdullah berkata, kompleks berkenaan diberi nama TH Haji & Convention Centre dijangka siap tahun depan dengan pembinaan giat dijalankan dan hampir selesai. "Kerja pembinaan kompleks menelan belanja RM400 juta itu kini berbaki 20 peratus.

"Kami menyasarkan jemaah haji muda menggunakan kompleks itu tahun hadapan sebagai pusat pelepasan sebelum terbang menunaikan haji dan kompleks itu juga dibuka kepada orang awam sebagai hotel penginapan bertaraf empat bintang," katanya.

Menurutnya,

kompleks itu bakal mempunyai 333 bilik yang boleh menempatkan satu hingga tiga tetamu di setiap bilik, selain dewan berkapasiti sehingga 1,500 orang.

"Dengan beroperasinya kompleks baru itu, kompleks di Kelana Jaya akan ditutup dan tidak lagi ber-

OPERASI TH DI SEPANG 2018

■ Kerja pembinaan kompleks dengan kos RM400 juta berbaki 20 peratus

operasi untuk pengurusan jemaah haji dan perancangan dibuat bagi membangunkan semula kawasan berkenaan.

"Kami melihat potensi pembangunan sesuai di kompleks itu, namun ia mungkin tidak membabitkan pembinaan hotel kerana lokasi berkenaan tidak sesuai," katanya kepada Bisnes Metro, di sini.

Dalam pada itu, Johan berkata, TH merancang melabur RM2 bilion dalam sektor hartanah di United Kingdom dan Australia dalam tempoh tiga tahun akan datang.

"Perancangan itu dilakukan bagi memastikan TH

memiliki pendapatan berulang untuk jangka masa panjang.

"Buat masa ini, TH belum membuat keputusan akhir berke-

naan pelaburan itu, namun kami mengenal pasti hartanah yang mampu memberi pulangan sehingga lapan peratus

setahun," katanya.

Menurutnya, untuk tahun ini, pihaknya akan memberi fokus kepada projek konsesi, terutama projek berkaitan infrastruktur kerajaan, bagi memanfaatkan perolehan institusi itu pada masa akan datang.

"Kami juga memperkukuh pembabitatan TH dalam bidang perhotelan patuh Syariah, terma-

suk hotel dan kompleks TH di Sepang, yang kini berada dalam fasa terakhir untuk disiapkan," katanya.



JOHAN

“ Kompleks itu dibuka sebagai hotel penginapan bertaraf empat bintang ”
Johan Abdullah